KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KEW.100-4/4 JLD.11 (127)

Tarikh : 26 Mei 2026

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah/Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Pengerusi/Ketua Eksekutif Syarikat Kerajaan Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BIL.7/2026**
**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI**

## 1. TUJUAN

1.1 Surat pekeliling ini bertujuan untuk memberikan penjelasan dan menyelaraskan pelaksanaan *Integrity Pact* dalam semua urusan perolehan Kerajaan Negeri bagi memperkukuhkan integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan perolehan.

1.2 Pekeliling ini juga bertujuan untuk mencegah rasuah, penyelewengan, tipuan bida dan penyalahgunaan kuasa serta memastikan semua pihak yang terlibat dalam perolehan Kerajaan Negeri mematuhi prinsip tadbir urus yang baik dan berintegriti.

## 2. LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan Negeri komited untuk memperkukuhkan sistem tadbir urus yang berintegriti selaras dengan aspirasi pembangunan negeri.

2.2 Perolehan Kerajaan merupakan antara bidang yang berisiko tinggi terhadap ketirisan dan amalan rasuah sekiranya tidak diurus dengan telus dan berakauntabiliti.

...2/

088-368000
KEW.100-4/4 JLD.11 (129)
26 Mei 2026

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BIL.7/2026**
**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI**

2.3 Sehubungan itu, pelaksanaan Integrity Pact diperkenalkan sebagai satu mekanisme pencegahan melalui pengisytiharan kendiri oleh semua pihak yang terlibat dalam proses perolehan.

**3. TAFSIRAN**

Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

3.1 ***"Integrity Pact"*** bermaksud satu aku janji oleh pegawai awam dan pihak berkepentingan untuk tidak terlibat dalam rasuah dan tipuan bida;

3.2 **"Perolehan"** bermaksud proses mendapatkan bekalan, perkhidmatan atau kerja oleh Kerajaan Negeri;

3.3 **"Pegawai Awam"** bermaksud mana-mana anggota perkhidmatan awam yang terlibat dalam urusan perolehan;

3.4 **"Pembida"** bermaksud mana-mana syarikat atau individu yang mengemukakan tawaran;

3.5 **"Kepentingan Terletak Hak"** bermaksud sebarang kepentingan peribadi yang boleh mempengaruhi keputusan;

3.6 **"Tipuan Bida"** bermaksud pakatan antara pembida bagi memanipulasi keputusan perolehan.

...3/

088-368000
KEW.100-4/4 JLD.11 (129)
26 Mei 2026

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BIL.7/2026**
**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI**

---

**4. SKOP PEMAKAIAN**

Garis panduan ini terpakai kepada:

4.1 Semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri;

4.2 Semua pegawai awam yang terlibat dalam perolehan;

4.3 Semua pembida, kontraktor dan perunding; dan

4.4 Semua peringkat perolehan termasuk tender, sebut harga dan rundingan terus.

**5. PENGUATKUASAAN**

Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa dari tarikh surat pekeliling dikeluarkan.

**6. PEMBATALAN**

Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.2/2011 – Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam Perolehan Kerajaan Negeri rujukan KEW(S) 300-1/1/1 KLT.18/ ( ) bertarikh 20 April 2011 adalah **DIBATALKAN.**

**7. PERTANYAAN ATAU KEMUSYKILAN**

Sebarang pertanyaan atau kemusykilan berkenaan kandungan Surat Pekeliling ini hendaklah di rujuk kepada **Unit Perolehan, Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam, Kementerian Kewangan Negeri Sabah**.

Sekian dan terima kasih.

...4/

088-368000
KEW.100-4/4 JLD.11 (129)
26 Mei 2026

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BIL.7/2026**
**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI**

---

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATUK MOHD SOFIAN ALFIAN NAIR, JP.)**
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah

s.k. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan Sulaman, Teluk Likas
**88400 KOTA KINABALU.**

Pengarah Audit Negeri Sabah,
Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sabah,
Wisma Audit Sabah KM 2.4,
Jalan Tuaran, Beg Berkunci No. 2021,
**88400 KOTA KINABALU.**

**"SABAH MAJU JAYA"**

# Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Perolehan Kerajaan Negeri

**KANDUNGAN**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Perolehan Kerajaan Negeri | 1 |
| 2. | Peringkat Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pegawai Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan | 13 |
| 3. | Peringkat Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan Kerajaan Negeri | 15 |
| 4. | Peringkat Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pihak Berkuasa Melulus (PBM) Perolehan Kerajaan Negeri | 16 |
| 5. | Peringkat Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pembida | 18 |
| 6. | Peringkat Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pelantikan Perunding | 20 |
| 7. | Peringkat Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pendaftaran SyarikatPUKONSA | 22 |
| Lampiran | | 23 |

**“SABAH MAJU JAYA”**

# 1. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI

## 1.1 Pendahuluan

1.1.1 Pembudayaan integriti yang tinggi dalam kalangan Kementerian/Jabatan/Agensi perlu diamalkan selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk menjadi negeri yang maju dan berpendapatan tinggi.

1.1.2 Isu integriti dan tadbir urus dalam kalangan Kementerian/ Jabatan/Agensi, berpotensi menjadi masalah yang berleluasa dalam organisasi. Hal ini boleh menjejaskan reputasi serta kepercayaan masyarakat terhadap Kementerian/Jabatan/ Agensi tersebut. Modenisasi diakui antara faktor menyumbang perubahan dalam sistem nilai masyarakat hingga mewujudkan sikap tidak bertanggungjawab dan tidak berintegriti.

1.1.3 Kepentingan integriti dapat mengelakkan ketirisan dalam perbelanjaan Kerajaan Negeri dan impak yang sebenar mampu ditunjukkan bagi memastikan pelaksanaan perolehan Kerajaan Negeri mampu memberi kesan yang positif kepada Kerajaan Negeri dan masyarakat.

1.1.4 Selain itu, Kerajaan Negeri juga berkomited untuk meningkatkan integriti syarikat yang terlibat dalam perolehan Kerajaan Negeri dengan membudayakan amalan persaingan sihat. Perkara ini bermanfaat bagi memastikan kesaksamaan peluang dalam kalangan syarikat yang bersaing untuk menawarkan perkhidmatan yang cemerlang kepada Kerajaan Negeri dan masyarakat.

1.1.5 Kementerian/Jabatan/Agensi perlu memberi perhatian yang serius dan memainkan peranan penting dalam usaha untuk memastikan integriti dibudayakan dalam kalangan pegawai awam dan syarikat yang terlibat dalam perolehan Kerajaan Negeri melalui pelaksanaan inisiatif yang telah digariskan selain pelaksanaan langkah lain yang bersesuaian.

**1.2 Integriti Dalam Perolehan Kerajaan Negeri**

1.2.1 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]

1.2.1.1 Pegawai awam terutama pegawai yang terlibat dengan perolehan Kerajaan Negeri dan orang awam adalah tertakluk kepada Akta 694. Akta ini digubal bertujuan untuk memastikan Malaysia mempunyai sistem tadbir urus yang bersih, berintegriti, dan bebas daripada amalan rasuah membudayakan integriti dan amalan kebertanggungjawaban pentadbiran sektor awam dan swasta serta orang awam tentang kepentingan memerangi rasuah disebabkan kesan buruknya kepada negara.

1.2.1.2 Sebarang kesalahan jenayah seperti rasuah, penipuan dan pecah amanah yang melibatkan perolehan Kerajaan Negeri perlu diambil tindakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi untuk dibawa kepada pihak berkuasa dan tindakan mahkamah sivil jika berkaitan. Syarikat/firma/kontraktor atau mana-mana ahli lembaga pengarah atau mana-mana ahli pengurusan yang melakukan jenayah dan disabitkan oleh mahkamah akan disusuli dengan

tindakan tatatertib selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa di bawah **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPANS 2008)**.

1.2.2 Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]

1.2.2.1 Pegawai awam terutama pegawai yang terlibat dengan perolehan Kerajaan adalah turut tertakluk kepada Akta 88. Akta ini memperuntukkan mengenai perlindungan kepada rahsia rasmi yang juga termasuk maklumat perolehan yang hendaklah dijaga dengan cara berpatutan di mana ketidakpatuhannya boleh menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 8 Akta.

1.2.2.2 Pegawai awam yang terlibat dengan urusan perolehan sama ada secara langsung atau tidak langsung perlu menandatangani perakuan sebagai pematuhan kepada Akta 88.

1.2.2.3 Kerahsiaan Maklumat Perolehan

Dokumen perolehan diklasifikasikan sebagai sulit di mana semua maklumat berkenaan sesuatu perolehan termasuk dokumen pelawaan, tawaran dan penilaian hendaklah diklasifikasikan sebagai **SULIT** dan tidak boleh disebarkan kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat dengan pengurusan perolehan sebelum keputusan muktamad dibuat.

1.2.2.4 Merahsiakan maklumat perolehan di mana Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan suatu perolehan kepada pegawai yang berkenaan di bawah arahan pentadbirannya. Rujukan hendaklah dibuat kepada Akta 88 dan Akta 694. Mana-mana pegawai awam yang didapati membocorkan rahsia berkenaan sesuatu perolehan adalah dianggap telah melanggar peruntukan di bawah akta tersebut dan tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap pegawai awam yang terlibat.

1.2.3 Akta Persaingan 2010 [Akta 712]

1.2.3.1 Syarikat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan perolehan Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada Akta 712. Akta ini digubal bagi menggalakkan pembangunan ekonomi dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan. Bagi mencapai tujuan ini, akta ini melarang perlakuan anti-persaingan.

1.2.3.2 Seksyen 4(2)(d) Akta 712 secara spesifik melarang perjanjian tipuan bida di antara perusahaan (pembida).

1.2.3.3 Kementerian/Jabatan/Agensi perlu memberi perhatian yang serius mengenai isu kartel/pakatan tipuan bida dalam perolehan Kerajaan Negeri dan melaporkan kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia sekiranya terdapat tanda-tanda yang

menjurus kepada pakatan tipuan bida.

1.2.4 Tanggungjawab mengisytiharkan kepentingan terletak hak

1.2.4.1 Semasa urusan memproses perolehan

i. Mana-mana pegawai yang terlibat dalam memproses sesuatu perolehan hendaklah memastikan bahawa beliau tidak mempunyai apa-apa kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak mengenai perolehan itu.

ii. Mana-mana pegawai yang mempunyai kepentingan dalam apa-apa cara pun dengan pembida hendaklah mengisytiharkan kepentingan dan menarik diri secara bertulis daripada menguruskannya.

1.2.4.2 Tanggungjawab Jawatankuasa Perolehan Kerajaan Negeri

i. Mana-mana Ahli Jawatankuasa Perolehan Kerajaan Negeri yang mempunyai apa-apa kepentingan mengenai sesuatu perolehan itu hendaklah mengisytiharkan kepentingannya serta menarik diri daripada perbincangan dan keputusan perolehan berkenaan dan perkara ini hendaklah diminitkan.

ii. Ahli Jawatankuasa Perolehan Kerajaan Negeri hendaklah bersikap adil, neutral dan profesional dalam mempertimbangkan sesuatu perolehan serta bebas daripada pengaruh luar.

1.2.5 Kesalahan rasuah dalam perolehan Kerajaan

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk mencegah dan membendung perlakuan berkaitan rasuah dalam perolehan Kerajaan Negeri, Kementerian/Jabatan/Agensi dikehendaki memperuntukkan klausa peringatan mengenai kesalahan rasuah dalam dokumen perolehan Kerajaan di peringkat penyediaan dokumen pelawaan perolehan, Surat Setuju Terima (SST) dan Dokumen Kontrak.

1.2.6 Kesalahan Kartel/Pakatan Tipuan Bida

Kementerian/Jabatan/Agensi dikehendaki memperuntukkan klausa berkaitan 'Pengisytiharan *Non-Collusion*' di peringkat penyediaan dokumen pelawaan perolehan, SST dan Dokumen Kontrak.

**1.3 Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan Negeri**

1.3.1 Salah satu inisiatif bagi meningkatkan amalan integriti dalam proses perolehan Kerajaan Negeri adalah melalui pelaksanaan *Integrity Pact*. Objektif utama pelaksanaan *Integrity Pact* adalah untuk memperkukuhkan usaha meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan Kerajaan Negeri serta dalam masa yang sama mencegah ketirisan dalam perbelanjaan Kerajaan Negeri dan mengelak daripada penyalahgunaan kuasa.

1.3.2 *Integrity Pact* merupakan proses pengisytiharan kendiri untuk tidak menawar atau memberi rasuah sebagai dorongan mendapatkan sesuatu kontrak atau bagi mempercepatkan sesuatu urusan perolehan Kerajaan Negeri atau terlibat

dengan pakatan tipuan bida.

1.3.3 Tujuan utama *Integrity Pact* dilaksanakan dalam perolehan Kerajaan Negeri adalah seperti yang berikut:

1.3.3.1 Mengelakkan pegawai awam yang menguruskan proses perolehan menerima rasuah;

1.3.3.2 Mengelakkan syarikat/pembida daripada menawar atau memberi rasuahdan/atau terlibat dengan tipuan bida;

1.3.3.3 Menghendaki syarikat/pembida melaporkan sebarang kesalahan rasuah dan/atau tipuan bida kepada pihak berkuasa; dan

1.3.3.4 Memastikan Kerajaan Negeri tidak menggunakan *unnecessary costs* dalam pelaksanaan urusan perolehan.

1.3.4 Pelaksanaan *Integrity Pact* ini juga diharap dapat meningkatkan kesedaran berkaitan kesalahan rasuah dan tipuan bida dalam kalangan pegawai awam dan pihak-pihak yang berurusan dalam perolehan Kerajaan Negeri. Langkah ini diharap dapat menghapuskan kesalahan rasuah dan tipuan bida yang berlaku dalam perolehan Kerajaan Negeri, antara lain seperti yang berikut:

1.3.4.1 Pemberian dan penerimaan suapan (*kickback/bribery*) antara pegawai awam dengan syarikat dalam pelbagai bentuk seperti wang,

hadiah, derma, diskaun, bonus, pekerjaan dan sebagainya seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*];

1.3.4.2 Penyalahgunaan kuasa yang melibatkan konflik kepentingan pegawai awam berhubung pemilihan syarikat pembekal, perkhidmatan, pembinaan dan perunding di mana pegawai awam mempunyai kepentingan;

1.3.4.3 Tuntutan atau perakuan palsu melibatkan syarikat dan pegawai awam;

1.3.4.4 Pemalsuan maklumat dokumen dan rekod untuk mengaburi penilaian perolehan;

1.3.4.5 Perbuatan subahat antara pegawai awam dan syarikat; dan

1.3.4.6 Perjanjian Anti Persaingan yang membentuk tipuan bida merangkumi bidaan terselindung, bidaan yang menindas, bidaan secara giliran, bidaan tidak mematuhi, pembahagian pasaran dan perjanjian subkontrak sebagai balasan kepada persetujuan untuk menjadi ahli pakatan dan sebagainya.

1.3.5 Pegawai awam hendaklah menandatangani satu akuan atau perjanjian untuk tidak terlibat dalam perbuatan rasuah dalam urusan perolehan atau pelaksanaan suatu kontrak. Syarikat atau pembida pula hendaklah menandatangani satu (1) akuan

atau perjanjian untuk tidak melakukan perbuatan rasuah dan tipuan bida dalam urusan perolehan atau pelaksanaan suatu kontrak. Akuan atau perjanjian tersebut juga menggariskan tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran.

1.3.6 Semua pihak yang terlibat dalam proses perolehan Kerajaan Negeri adalah dikehendaki menandatangani *Integrity Pact* seperti berikut:

1.3.6.1 Pegawai Awam Yang Terlibat Dalam Proses Perolehan Kerajaan Negeri

i. Setiap pegawai awam yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses perolehan Kerajaan Negeri hendaklah menandatangani Surat Akuan oleh Pegawai Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan.

ii. Akuan ini hendaklah dibuat apabila pegawai melaporkan diri atau mula melaksanakan tugas. Setiap Ketua Bahagian hendaklah memastikan semua pegawai dan kakitangan memperbaharui akuan mereka setiap tahun.

iii. Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan Kerajaan Negeri.

iv. Setiap individu yang dilantik menganggotai mana-mana Jawatankuasa berkaitan perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan sekali sahaja bagi setiap pelantikan.

v. Selain itu, setiap Ahli Jawatankuasa berkaitan perolehan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa yang dianggotainya setelah menamatkan setiap tugasan.

1.3.6.2 Jawatankuasa Perolehan Kerajaan Negeri

i. Setiap individu yang dilantik sebagai Pengerusi/ Ahli tetap/Ahli Ganti Jawatankuasa Perolehan hendaklah menandatangani Surat Akuan Pelantikan sekali sahaja bagi setiap pelantikan.

ii. Setiap Pengerusi/Ahli Tetap/Ahli Ganti Jawatankuasa Perolehan hendaklah menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan setelah selesai setiap mesyuarat yang dihadiri.

1.3.6.3 Syarikat

Syarikat/Kontraktor hendaklah memastikan Surat Akuan Syarikat Yang Mendaftar Dengan Peringkat Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pendaftaran Syarikat Dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan dan Juruperunding Negeri Sabah (PUKONSA), Kementerian Kewangan Sabah diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikemukakan semasa permohonan baharu dan pembaharuan pendaftaran.

1.3.6.4 Pembida

i. Setiap Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah memastikan sesalinan Surat Akuan Pembida disertakan bersama Dokumen Pelawaan perolehan Kerajaan Negeri. Pembida hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikepilkan bersama dokumen tawaran.

ii. Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya disertakan bersama Surat Setuju Terima (SST). Pembida berjaya hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya diisi dengan lengkap, ditandatangani serta dikepilkan bersama SST dan dikembalikan kepada Kementerian/Jabatan /Agensi. Setiap Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah memastikan klausa mengenai rasuah dan tipuan bida diperuntukkan dalam semua dokumen kontrak.

iii. Kementerian/Jabatan/Agensi juga hendaklah memastikan Surat Akuan Syarikat disertakan bersama SST bagi syarikat yang dilantik secara rundingan terus. Syarikat tersebut hendaklah memastikan Surat Akuan Syarikat diisi dengan lengkap, ditandatangani serta dikepilkan bersama SST dan dikembalikan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi. Setiap Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah memastikan klausa mengenai rasuah dan tipuan

bida diperuntukkan dalam semua dokumen kontrak.

1.3.7 Garis Panduan ini dapat membantu Kementerian/Jabatan/ Agensi dalam memastikan semua perolehan Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan lebih telus dan seterusnya mengelak daripada berlakunya ketirisan, rasuah, tipuan bida dan penyalahgunaan kuasa.

## 2. PERINGKAT PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PEGAWAI AWAM YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

| PERINGKAT | PROSES KERJA |
|---|---|
| i. Semasa Melapor Diri Untuk Bertugas | Setiap pegawai awam yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses perolehan Kerajaan Negeri hendaklah menandatangani Surat Akuan Oleh Pegawai Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan Negeri seperti di **KEW-PP(IP1).** Akuan ini hendaklah dibuat apabila pegawai melaporkan diri atau mula melaksanakan tugas. Surat Akuan tersebut hendaklah disimpan di dalam fail peribadi pegawai.<br><br>Setiap Ketua Bahagian hendaklah memastikan semua pegawai menandatangani Surat Akuan Oleh Pegawai Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan sebelum memulakan tugas atau terlibat dalam sebarang urusan perolehan Kerajaan Negeri. |
| ii. Pengisytiharan Setiap Tahun | Setiap Ketua Bahagian hendaklah memastikan semua pegawai memperbaharui akuan mereka setiap tahun. |

* Pegawai Awam merujuk kepada anggota perkhidmatan awam yang terlibat dalam proses yang ditempatkan di:

1. Bahagian/Seksyen/Unit Perolehan Kerajaan Negeri;
2. Bahagian/Seksyen/Unit Pembangunan;
3. Bahagian/Seksyen/Unit Kewangan;
4. Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat dengan pendaftaran pembekal/kontraktor/syarikat;
5. Urus Setia Lembaga/Jawatankuasa Tender/Sebut Harga/Perolehan; atau
6. Mana-mana Bahagian, Seksyen dan Unit Lain yang terlibat dalam perolehan Kerajaan Negeri.

## 3. PERINGKAT PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI

| PERINGKAT | PROSES KERJA |
|---|---|
| i. Semasa pelantikan sebagai Pengerusi/Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan | Setiap individu yang dilantik menganggotai mana-mana Jawatankuasa Berkaitan Perolehan Kerajaan Negeri dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pelantikan Pengerusi/Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan seperti di **KEW-PP(IP2)**. Sesalinan Akuan tersebut akan disimpan oleh Urus Setia/Setiausaha di dalam fail berkaitan. |
| ii. Apabila selesai sesuatu tugas | Setiap Pengerusi/Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan Kerajaan Negeri dikehendaki menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa Berkaitan Perolehan Kerajaan Negeri setelah menamatkan setiap tugasan seperti di **KEW-PP(IP3)**. Akuan ini hendaklah dikepilkan bersama laporan berkaitan dan difailkan. |

* Jawatankuasa Berkaitan Perolehan Kerajaan Negeri adalah seperti yang berikut:

1. Jawatankuasa Spesifikasi;
2. Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga;
3. Jawatankuasa Penilaian - Teknikal dan/atau Kewangan;
4. Jawatankuasa Rundingan Harga; dan
5. Lain-lain jawatankuasa berkaitan perolehan Kerajaan Negeri.

## 4. PERINGKAT PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI JAWATANKUASA PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI

| PERINGKAT | PROSES KERJA |
|---|---|
| i. Semasa Pelantikan Sebagai Pengerusi/Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan Kerajaan Negeri | Setiap individu yang dilantik sebagai Pengerusi/Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan Kerajaan Negeri hendaklah menandatangani Surat Akuan Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan Kerajaan Negeri seperti di **KEW-PP(IP4)**. Sesalinan Surat Akuan hendaklah disimpan oleh Urus Setia/Setiausaha Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan Kerajaan Negeri. |
| ii. Setiap kali Mesyuarat Lembaga/Jawatankuasa Perolehan Kerajaan Negeri bersidang | Setiap Pengerusi/Ahli Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan Kerajaan Negeri hendaklah menandatangani Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan Kerajaan Negeri seperti di **KEW-PP(IP5)** pada setiap mesyuarat setelah selesai melaksanakan tugas. Sesalinan Surat Akuan hendaklah disimpan oleh Urus Setia/Setiausaha Lembaga/Jawatankuasa Perolehan Kerajaan Negeri. |

* Lembaga/Jawatankuasa Perolehan Kerajaan Negeri merujuk kepada:

1. Lembaga Tawaran Negeri
2. Lembaga Tawaran Jabatan Ketua Menteri
3. Lembaga Tawaran Kementerian
4. Lembaga Tawaran Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan
5. Jawatankuasa Sebut Harga
6. Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja/Tuntutan
7. Jawatankuasa Penyelarasan Harga
8. Lain-lain jawatankuasa seumpamanya

## 5. PERINGKAT PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PEMBIDA

| PERINGKAT | PROSES KERJA |
|---|---|
| i. Semasa pembelian/ pengambilan dokumen Tender/Sebut Harga Kerajaan Negeri | Setiap Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah memastikan sesalinan Surat Akuan Pembida disertakan bersama Dokumen Tender/Sebut Harga yang diedarkan kepada pembida. Sesalinan Surat Akuan Pembida seperti di **KEW-PP(IP6)**. |
| ii. Semasa penyerahan dokumen Tender/Sebut Harga oleh pembida | Apabila menghantar dokumen tender/sebut harga, setiap pembida hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida diisi dengan lengkap dan ditandatangani serta dikepilkan bersama Dokumen Tender/Sebut Harga. |
| iii. Semasa Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada pembida berjaya | Apabila mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada pembida yang berjaya, Kementerian/ Jabatan/Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya disertakan bersama Surat Setuju Terima. Sesalinan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di **KEW-PP(IP7)**. |
| iv. Apabila Surat Setuju Terima ditandatangani dan dikembalikan oleh pembida berjaya | Pembida berjaya hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya diisi dengan lengkap, ditandatangani serta dikepilkan bersama Surat Setuju Terima dan dikembalikan kepada Kementerian/Jabatan/ Agensi. |

| PERINGKAT | PROSES KERJA |
|---|---|
| v. Apabila perjanjian perolehan ditandatangani oleh pembida berjaya dan Kementerian/ Jabatan/Agensi | Setiap Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah memastikan klausa mengenai rasuah dan tipuan bida seperti di **KEW-PP(IP8)** dimasukkan dalam semua dokumen kontrak. |

* Pembida merujuk kepada:

1. Petender; dan
2. Penyebut Harga.

* **KEW-PP(IP7)** juga hendaklah diisi dan dilengkapkan oleh syarikat yang dilantik secara rundingan terus.

## 6. PERINGKAT PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PELANTIKAN PERUNDING

| PERINGKAT | PROSES KERJA |
|---|---|
| i. Semasa Surat Niat dikeluarkan (sekiranya ada) | Setiap Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Kepentingan Perunding disertakan bersama Surat Niat diserahkan kepada Perunding. Surat Akuan Kepentingan Perunding seperti di **KEW-PP(IP9)**. |
| ii. Sebelum rundingan dilaksanakan (sekiranya ada) | Setiap Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Kepentingan Perunding ditandatangani dan dikembalikan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi berkaitan sebelum apa-apa rundingan dimulakan. |
| iii. Semasa Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan kepada perunding yang dilantik | Setiap Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Perunding Yang Dilantik disertakan bersama SST yang dikeluarkan kepada Perunding. Sesalinan Surat Akuan Perunding Yang Dilantik seperti di **KEW-PP(IP10)**. |
| iv. Apabila SST ditandatangani dan dikembalikan oleh perunding | Perunding hendaklah memastikan Surat Akuan Perunding Yang Dilantik diisi dengan lengkap, ditandatangani serta dikepilkan bersama SST dan dikembalikan kepada Kementerian/ Jabatan/Agensi. |

| PERINGKAT | PROSES KERJA |
|---|---|
| v. Apabila perjanjian perolehan Kerajaan Negeri ditandatangani oleh pembida berjaya dan Kementerian/ Jabatan/Agensi | Setiap perunding yang dilantik hendaklah menandatangani dokumen kontrak perunding yang mengandungi Klausa Pencegahan Rasuah dan tipuan bida seperti di **KEW-PP(IP8)**. |

## 7. PERINGKAT PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* BAGI PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN PUSAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN DAN JURUPERUNDING NEGERI SABAH (PUKONSA), KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH (KKNS).

| PERINGKAT | PROSES KERJA |
|---|---|
| Semasa memohon untuk mendaftar/memperbaharui pendaftaran dengan PUKONSA | Syarikat hendaklah memastikan sesalinan Surat Akuan Syarikat dikemukakan semasa permohonan pendaftaran baharu dan pembaharuan pendaftaran dikemukakan kepada PUKONSA. Satu salinan Surat Akuan Syarikat seperti di **KEW-PP(IP11)**. |

* Syarikat merujuk kepada:

1. Syarikat/Kontraktor/Perunding/Koperasi/Organisasi yang memohon untuk berdaftar dengan PUKONSA.

# LAMPIRAN

## SENARAI LAMPIRAN

| | | |
|---|---|---|
| KEW-PP(IP1) | : | Surat Akuan oleh Pegawai Yang Terlibat Dalam Perolehan |
| KEW-PP(IP2) | : | Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan Kerajaan Negeri |
| KEW-PP(IP3) | : | Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan Kerajaan Negeri |
| KEW-PP(IP4) | : | Surat Akuan Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan Kerajaan Negeri |
| KEW-PP(IP5) | : | Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan Kerajaan Negeri |
| KEW-PP(IP6) | : | Surat Akuan Pembida |
| KEW-PP(IP7) | : | Surat Akuan Pembida Berjaya |
| KEW-PP(IP8) | : | Klausa Pencegahan Rasuah Dalam Dokumen Perolehan Kerajaan Negeri |
| KEW-PP(IP9) | : | Surat Akuan Kepentingan Perunding |
| KEW-PP(IP10) | : | Surat Akuan Perunding Yang Dilantik |
| KEW-PP(IP11) | : | Surat Akuan oleh Syarikat Yang Mendaftar dengan PUKONSA |

**KEW-PP(IP1)**

## SURAT AKUAN OLEH PEGAWAI AWAM YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN

Saya, ............................................................ No. Kad Pengenalan (Awam/Tentera/Polis) ........................................... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perolehan;

ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa mana-mana proses perolehan dan semasa tempoh pelaksanaan kontrak;

iii. Sekiranya terdapat sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya;

iv. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara i, ii dan iii dalam Surat Akuan ini boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing;

v. Saya akan mengisytiharkan dengan segera kepada Ketua Jabatan sekiranya terdapat mana-mana anggota atau keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;

vi. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada mana-mana pihak selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan

vii. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya juga boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

...2/

**KEW-PP(IP1)**

-2-

Tandatangan :
Nama :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Tarikh :

Disaksikan oleh** ;

Tandatangan :
Nama :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Tarikh :

Catatan:

* Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3(a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawahKanun Keseksaan [Akta 574].

** Disaksikan oleh Ketua Jabatan.

**KEW-PP(IP2)**

## SURAT AKUAN PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN

Saya, ..............................................No. Kad Pengenalan (Awam/Tentera/Polis) ....................................... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perolehan ........................................ (Tajuk dan no. rujukan perolehan Kerajaan Negeri);

ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan ketelusandan keadilan semasa perolehan;

iii. Sekiranya terdapat sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya;

iv. Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada mana-mana orang seperti definisi dan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing- masing yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yangdikendalikan oleh saya;

v. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara i, ii, iii dan iv dalam Surat Akuan ini boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing;

vi. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada mana-mana pihak selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan

vii. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya juga boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

...2/

**KEW-PP(IP2)**



Tandatangan :
Nama :
No.KP :
Jawatan :
Tarikh :

* Catatan:

Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3(a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].

**KEW-PP(IP3)**

## SURAT AKUAN SELESAI TUGAS AHLI JAWATANKUASA BERKAITAN PEROLEHAN

Saya, ........................................................ No. Kad Pengenalan (Awam/Tentera/Polis) .............................. dari ............................ (Nama Kementerian/Jabatan/Agensi) ........................................ adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

i. Saya telah melaksanakan tugas sebagai ahli .............................. (Nama Jawatankuasa), ...................................... (Tajuk Perolehan) tanpa mempunyai apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau suapan seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya PencegahanRasuah Malaysia 2009 [Akta 694];

